

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

→ **Dr Azmul Fahimi Kamaruzaman**
Pensyarah Pusat Rantau
Timur Tengah dan Nusantara,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia



Lunas manifesto bukan pengukur tunggal nilai prestasi kerajaan



Sesungguhnya, keutuhan kuasa politik dimiliki PH sedang diuji dan diperhatikan sekian rakyat Malaysia. Ketahanannya bergantung kepada keupayaannya untuk keluar daripada proses peringkat kedua menuju peringkat ketiga menurut teori Ibn Khaldun”

Sarjana falsafah sejarah Islam abad ke-14, Abd al-Rahman Ibn Khaldun menggariskan bahawa sesebuah negara akan melalui lima peringkat proses kitaran sejarah yang semula jadi.

Peringkat pertama ialah pembentukan negara yang berteras kepada perpaduan. Perpaduan semua komponen membabitkan golongan teras dan bukan teras yang bersatu membolehkan sesebuah negara itu terbentuk.

Peringkat kedua ialah penguatan kuasa induk pemerintahan golongan teras politik secara mutlak.

Peringkat ketiga ialah era kemewahan dan kesenangan yang dinikmati hasil daripada kejayaan pemerintah mencapai matlamat penguatan kuasa golongan teras pada peringkat kitaran yang kedua.

Peringkat keempat pula ialah era pemerintah dan institusinya berasa puas dan cukup dengan kemewahan kenegaraan sehingga menganggap segala yang ada akan kekal selama-lamanya.

Peringkat kelima dan terakhir ialah zaman kemerosotan, ditanda dengan perbalahan golongan teras politik yang membawa kepada perpecahan, kewangan negara yang boros dan membazir, kenaikan kadar cukai membeban-

kan rakyat serta kedudukan institusi dan rakyat yang bergantung kepada ganjaran dan balasan sehingga hilang aspek pengorbanan dan perjuangan kepada negara.

Seterusnya negara akan mengalami kejatuhan, berlakulah peralihan kuasa serta digantikan dengan kebangkitan satu kuasa politik baharu yang akan meneruskan proses kitaran sejarah yang seterusnya.

Naluri sejagat

Prinsip kitaran sejarah digariskan Ibn Khaldun ini merujuk kepada proses perkembangan tamadun manusia secara semula jadi dan berkait rapat dengan persamaan sikap dan naluri universal kemanusiaan yang hanya dibezakan oleh faktor agama, bahasa dan kebudayaan.

Prinsip kitaran sejarah ini juga boleh menjadi neraca kepada proses perubahan politik yang sedang berlaku di Malaysia sekarang, khususnya pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Pastinya, fokus akan tertumpu kepada pencapaian 100 hari pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam konteks menunaikan janji manifestonya.

Namun, pada fikiran penulis, wacananya perlu melampaui kepada kerangka kenegaraan yang lebih luas.

Pencapaian Kerajaan PH tidak boleh diukur kepada pelaksanaan manifestonya semata-mata, tetapi perlu dilihat bagaimana kerangka arah tuju negara untuk masa hadapan dibentuk.

Isu-isu yang timbul dan dibahaskan dalam negara dalam tempoh 100 hari pentadbiran PH terbentuk kepada dua dimensi utama, iaitu pertama mengenai asas kenegaraan Malaysia dan kedua mengenai isu tadbir urus.

Antara asas kenegaraan ialah persoalan mentafsir semula sejarah negara yang lebih adil, pertikaian terhadap sejarah asal usul bangsa, institusi Raja-Raja Melayu, bahasa kebangsaan, dasar pendidikan kebangsaan, isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) serta tafsiran baharu terhadap Islam yang lebih terbuka.

Tadbir urus

Dimensi mengenai isu tadbir urus pula seperti pembongkaran salah laku dan penyelewengan kewangan oleh pemimpin kerajaan terdahulu.

Kedua-dua dimensi ini wujud dengan pembabitkan aktif pihak media serta respons netizen rakyat dalam media sosial yang mencetuskan pelbagai persepsi dan pandangan.

Ironinya juga, kedua-dua dimensi ini wujud sama ada atas inisiatif Kerajaan PH atau diwacanakan secara terbuka oleh netizen sehingga mendapat respons dalam kalangan ahli politik kerajaan dan pembangkang.

Persoalannya, mengapa isu yang berkaitan dengan dimensi pertama, iaitu asas kenegaraan Malaysia mampu diperdebat dan dibahaskan secara terbuka?

Adakah asas kenegaraan seperti institusi Raja-Raja Melayu, bahasa kebangsaan, pendidikan kebangsaan dan konsep Islam sebagai agama Persekutuan yang sudah termaktub dan dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan masih boleh dipertikai secara terbuka?

Adakah perbahasan dan wacana terbuka ini satu pendekatan baharu yang membolehkan segala-galanya dibahaskan tanpa sekatan dan agar rakyat terbiasa dengan konsep keterbukaan ini.

Penulis berpandangan bahawa selepas PRU-14, Malaysia Baharu yang cuba didefinisikan sekarang masih berada pada kitaran sejarah peringkat kedua menurut Ibn Khaldun, iaitu proses penguatan kuasa.

Komposisi kuasa parti politik dalam PH diketahui secara kon-

sepnya bukan berasaskan politik dominan atau teras yang mutlak tetapi konsep politik kerjasama.

Meskipun begitu, dalam konteks sejarah Malaysia yang berlangsung selama 60 tahun berasaskan konsep politik dominan teras induk Melayu-Islam, kini konsep politik kerjasama dalam PH sedang diuji dan teruji dengan dimensi isu membabitkan asas kenegaraan.

Penguasaan bukan Islam?

Lebih jelas lagi apabila komposisi kerusi Parlimen dalam Kerajaan PH memperlihatkan aspek ‘dominasi’ Ahli Parlimen bukan Melayu-Islam melebihi jumlah kerusi dimiliki Ahli Parlimen Melayu-Islam.

Oleh yang demikian, Kerajaan PH perlu tampil seceera dengan dasar dan mekarisme politik yang boleh meyakini kelompok majoriti Melayu-Islam di Malaysia bahawa kedudukan Islam, bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu bukan sahaja terus kekal dalam Perlembagaan Persekutuan, bahkan terus dijamin menikmati layanan baik hasil kebijaksanaan politik kerajaan.

Dalam konteks demokrasi, PH perlu diberi peluang untuk membuktikan kebolehan dan keupayaannya mentadbir negara.

Namun, penguatan kuasa politik mereka tidak boleh berpaling sama sekali daripada memenangi hati dan kepentingan golongan teras, biarpun mungkin pendekatan dan amalan kuasa politiknya tidak berasaskan politik dominan seperti era Barisan Nasional (BN) dulu.

Pendekatan politik kerjasama dalam PH perlu dimurnikan asas-asasnya agar kepentingan kenegaraan terus terpelihara walaupun yang terzahir hanyalah semangat keterbukaannya atas asas percambahan idea dan pengolahan pemikiran yang lebih segera dan baharu.

Sesungguhnya, keutuhan kuasa politik dimiliki PH sedang diuji dan diperhatikan sekian rakyat Malaysia. Ketahanannya bergantung kepada keupayaannya untuk keluar daripada proses peringkat kedua menuju peringkat ketiga menurut teori Ibn Khaldun.

Jika berjaya melepasi ujian dan dugaan lain pula akan menanti Kerajaan PH. Dugaan dan ujian ini sudah dilalui satu persatu oleh gabungan politik Perikatan dan BN lebih 60 tahun lalu.

Sejarah itu satu kitab yang tidak berulang lagi. Semoga Allah terus merahmati Malaysia.

